

Artikel Penyelidikan

Di Sebalik Tawa Seorang Penghibur: Ebby Yus.

Nurulannisa Abdullah^{1*}, Noor Arina Md Arifin², Alisa Qistina Rosslee³, Nurul Fariyah Ismail⁴, dan Nurul Nabilah Najwa Rosnan⁵

¹ UiTM Cawangan Kelantan; annisa@uitm.edu.my;  0000-0003-3234-9066

² UiTM Cawangan Kelantan; arina848@uitm.edu.my;  0000-0002-2900-0026

³ UiTM Cawangan Kelantan; lisyarosslee@gmail.com

⁴ UiTM Cawangan Kelantan; nurulfariyah.ismail@gmail.com

⁵ UiTM Cawangan Kelantan; nabilahrosnan@gmail.com

* Correspondence: annisa@uitm.edu.my; +60193633936.

Abstrak: Artikel ini berdasarkan sumber daripada kajian penulis tehadap tokoh sejarah lisan yang dijalankan bersama pelakon dan pelawak veteran yang terkenal di Malaysia pada era 80an iaitu Muhammad Yunus bin Abdul Rashid yang lebih dikenali sebagai Ebby Yus dan sesi temubual ini dilakukan adalah untuk mengetahui pengalaman beliau dalam industri lakonan di Malaysia. Artikel ini menceritakan tentang pengalaman beliau sebagai pelakon dan pelawak veteran. Selain itu, artikel ini merangkumi kisah latar belakang pendidikan dan juga perkembangan beliau di dalam kerjaya sebagai seorang pelakon dan pelawak di Malaysia. Beliau sangat berpengalaman dalam bidang industri seni ini selama lebih tiga puluh lima tahun. Pengalaman dan sumbangan terhadap kerjaya beliau amatlah berharga dan berharap perkongsian tersebut dapat membangkitkan semangat generasi muda masa kini dalam menceburi minat dalam bidang lakonan dan hiburan di Malaysia.

Kata kunci: Ebby Yus, Sejarah Lisan, Pelakon, Pelawak Veteran, Malaysia

DOI: 10.5281/zenodo.13968753



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Sejarah lisan ini ialah satu kaedah di mana sejarah atau kenangan yang berlaku kepada seseorang tokoh yang dirakamkan secara temuramah. Selain itu, sejarah lisan juga adalah untuk memperolehi maklumat daripada tokoh yang kemudiannya dicatat. Selepas itu, salinan akan disemak terlebih dahulu sebelum diguna pakai sebagai bahan penyelidikan dan pengajaran.

Industri lakonan dan profileman di negara Malaysia berkembang pada zaman profileman Melayu dan era profileman Malaysia. Era filem Melayu bermula di Singapura dengan penubuhan Studio Jalan Ampas dan seterusnya berkembang di Kuala Lumpur dengan penubuhan Studio Filem Merdeka (Shukri & Nur, 2020). Terdapat beberapa pelakon veteran Malaysia yang dikenali sebagai pelawak dan juga penyayi malahan kedua-duanya.

Muhammad Yunus atau lebih dikenali sebagai Ebby Yus merupakan seorang pelakon dan pelawak veteran yang terkenal pada era 80an sehingga kini. Ebby Yus atau nama sebenarnya Muhammad Yunus bin

Abd Rashid terkenal di dalam bidang lakonan dan juga merupakan seorang penghibur di dalam industri seni. Beliau juga mempunyai banyak pengalaman sebagai seorang pelawak yang berkaliber dan tujuan artikel ini ditulis adalah untuk menceritakan pengalaman beliau sepanjang kerjaya beliau sebagai pelakon dan pelawak di Malaysia. Beliau dilahirkan pada 16 April 1965 dan merupakan pelakon dan pelawak Malaysia. Beliau dibesarkan dari keluarga yang besar iaitu mempunyai 10 adik beradik kandung. Beliau merupakan anak yang ke-tujuh daripada 10 beradik itu.

Sepanjang karier beliau sebagai seorang pelakon dan pelawak, beliau pernah menerima Anugerah Pelakon Komedи TV Terbaik – Anugerah ASA pada tahun 2010 dan beliau juga pernah dicalonkan dalam percalonan kategori Artis Komedи Lelaki Popular – ABPBH pada tahun 2013.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian adalah untuk mencari maklumat yang lengkap dalam menghasilkan dokumentasi kajian berkaitan pelakon veteran yang semakin berkurangan di kalangan generasi sekarang. Pelakon veteran terutama pelawak sangat kurang diberi pendedahan dan perhatian kepada umum mengenai pengalaman mereka sebagai pelakon veteran.

Kajian mengenai pelakon dan pelawak veteran amatlah penting pada kami untuk diusahakan kerana ia boleh membantu dari segi penambahan penerbitan di arkib universiti. Kajian ini juga membantu pihak kami seperti tunjuk ajar dan nasihat semasa temubual. Selain itu, kajian ini juga boleh menaikkan semangat pembaca kerana kami mengkaji tokoh yang terkenal di tanah air dan mungkin dapat memberikan inspirasi kepada anak-anak muda pada masa kini dan mungkin pada masa akan datang.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif pengkaji dalam mengenalpasti ketokohan Muhammad Yunus AbdRashid dengan lebih mendalam serta sumbangannya beliau dalam dunia seni dan hiburan tanah air.

- i. Mengenal pasti isu dan cabaran yang dihadapi sepanjang beliau terlibat dalam dunia industri seni tanah air.
- ii. Mengkaji sejarah perkembangan Industri Seni dari tahun 1980 an hingga tahun 2021. Sejarah perkembangan yang berkaitan dengan pelawak dan sebagai pelakon filem.

4. PERSOALAN KAJIAN

Secara khususnya, skop kajian menjurus kepada beberapa persoalan seperti berikut:

- i. Adakah terdapat isu dan cabaran yang dihadapi oleh beliau sepanjang beliau terlibat dalam dunia industri seni tanah air?
- ii. Apakah sejarah perkembangan yang berkaitan dengan pelawak dan sebagai pelakon filem di industri tanah air?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Faedah ataupun impak daripada sejarah lisan yang dijalankan bersama pelakon dan pelawak Ebby Yus adalah dapat membantu memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai diri beliau kepada masyarakat di luar sana. Dalam konteks ini, sejarah lisan berdasarkan kepada pengalaman Ebby Yus ataupun kenangan tertentu beliau semasa menjadi pelakon dan pelawak. Ini adalah amat penting dalam mengembalikan gambaran detik sejarah tersebut dengan lebih jelas dan teliti. Sejarah lisan adalah cukup istimewa kerana ia dapat menghubungkaitkan peristiwa lepas dengan masa kini melalui rakaman detik – detik bersejarah tersebut. Contohnya detik perjalanan Ebby Yus dari menjual petai hingga menjadi seorang yang berjaya dan terkenal. Hal ini dapat mewujudkan cara pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif kepada masyarakat sekarang.

Seterusnya, pita rakaman dan transkrip sejarah lisan boleh menghidupkan cara mengajar di sekolah dan juga institusi. Cara ini tidak dinafikan sebagai satu cara pengajaran yang berguna di dalam kelas kerana di sebaliknya pita rakaman wawancara bersama tokoh Ebby Yus yang pernah memainkan peranan penting dalam masyarakat, ia juga boleh memberikan suatu gambaran yang berkesan untuk memahami masa yang lalu. Rakaman - rakaman tersebut boleh menggambarkan perkara bersejarah yang telah berlaku kepada pelawak dan pelakon Ebby Yus tersebut.

Selain itu, kegiatan persatuan sejarah negeri di Malaysia akan dapat diperkembangkan lagi sekiranya persatuan tersebut menjalankan projek sejarah lisan. Persatuan Sejarah yang ditubuhkan bukan sahaja dapat menggalakkan pengajaran dan menambahkan minat orang ramai terhadap tempatan, tetapi juga mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memelihara kesan sejarah di negeri masing - masing. Dalam hal ini, mereka terlibat dalam pengumpulan, pemeliharaan dan penyediaan bahan - bahan tersebut untuk penyelidik. Persatuan sejarah perlu memelihara alat - alat dan gambar mengenai kehidupan masyarakat di masa yang kini, lantas mereka boleh memperkenalkan bahan - bahan tersebut kepada orang ramai pada masa akan datang.

6. TINJAUAN LITERATUR

Terdapat beberapa sumber penulisan berbentuk artikel yang menyatakan isu ataupun cabaran yang terpaksa dilalui oleh pelawak dan pelakon terkenal, Ebby Yus sepanjang keterlibatan beliau dalam industri seni ini. Antaranya ialah daripada sumber yang dipercayai oleh seluruh masyarakat Malaysia, Astro Awani pada tahun 2019 yang bertajuk “Duka di Hati Ebby Yus Siapa Tahu” telah berjaya mengupas ujian yang perlu dihadapi oleh Ebby Yus iaitu menderita penyakit buah pinggang bocor dan juga lemah jantung. Ini dikatakan ujian yang hebat untuk Ebby Yus kerana ujian kesakitan yang dihadapinya ini, beliau tidak mampu untuk bekerja dan pendapatan beliau juga terjejas. Sumber daripada Sinar Harian yang bertajuk “Buah pinggang Ebby Yus bocor, Lemah Jantung” turut menyentuh penderitaan yang perlu dihadapi oleh Ebby Yus sebagai seorang pelakon dan pelawak dari Negeri Sembilan ini.

Sumber daripada PenMerahPress.com yang ditulis oleh Yuya bertajuk “Ajak Shiro sumbang wang kemenangan MLM2018 kepada Ebby Yus”. Mulianya hati Ajak ni memperlihatkan bagaimana pelakon ataupun kenalan Ebby Yus yang berusaha untuk membantu ataupun meringgankan beban Ebby Yus yang menderita penyakit buah pinggang dan jantung tersebut. Sumber ini adalah menjadi bukti kapada apa yang diperkatakan oleh Ebby Yus melalui temubual yang telah

dijalankan bersamanya. Ditambah lagi dengan sumber daripada Buletin Media yang bertajuk “Ebby Yus Sendiri Tak Sangka Dengan Apa Ajak Shiro Buat”, turut membuktikan bahawa Ebby Yus tidak bersendirian dalam menghadapi ujiannya kerana ramai lagi yang setia bersamanya dan ingin membantunya.

Seterusnya, melalui sumber Sinar Harian yang bertajuk “Saya tak sampai hati”, kata Ebby Yus pula menjelaskan Ebby Yus yang didatangi seorang wanita yang juga salah seorang peminatnya dari Port Dickson yang ingin mendermakan buah pinggangnya kepada Ebby Yus setelah mengetahui keadaan penyakit beliau itu. Melalui temubual tersebut, beliau telah menjelaskan bahawa beliau tidak menerima buah pinggang penderma tersebut. Sumber lain yang dapat menyokong sumber tersebut adalah daripada Berita Mediacorp yang bertajuk “Apabila peminat wanita dari S'pura derma S\$10,000 kepada pelakon, pelawak Ebby Yus”.

Akhir sekali, berkenaan dengan perkembangan semasa Ebby Yus daripada sumber Berita Harian Online, menurut Hanisah Selamat (Januari 2, 2020), Ebby Yus sentiasa memastikan pengisian jenaka yang dipersembahkan sejajar perkembangan semasa bagi membolehkan dirinya terus relevan dalam industri hiburan. Katanya, penggiat seni tidak boleh malas menguasai perkara baharu, terutama mengkaji isu yang sedang tular sebagai kandungan ketika beraksi di pentas supaya bertepatan kehendak semasa.

7. METODOLOGI

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah temu bual, kaedah pengumpulan data serta kaedah analisis. Hal ini dilakukan untuk membentuk sesuatu metodologi yang baik, sehingga menghasilkan kajian yang berkualiti. Bagi kaedah temu bual Untuk sesi temu bual atau dikenal dengan istilah *interview* adalah sesuatu proses interaksi dan komunikasi dari dua orang atau lebih.

Tambahan pula, sejarah lisan ini adalah untuk mendapatkan maklumat dengan bertanya langsung kepada artis tersebut. Bagi kajian pengumpulan data pula, kajian ini secara umumnya merupakan kajian kualitatif. Sifat dari kajian ini adalah teoritikal dan praktikal serta deskriptif analisis, iaitu menggambarkan secara tepat sifat-sifat artis tersebut. Kaedah terakhir yang digunakan iaitu kaedah analisis, kaedah ini adalah merupakan data sekunder dalam sesuatu kajian setelah kita dapat mengumpul informasi yang kita perlukan untuk menganalisa suatu data atau maklumat tersebut.

Selain itu, sumber yang bertulis juga penting dalam melakukan sejarah lisan kerana sumber ini adalah dikenali sebagai sumber sejarah yang terdiri daripada rekod-rekod bertulis tentang sesuatu peristiwa atau perjalanan hidup sebagai tokoh veteran adalah seperti jurnal dan manuskrip. Terdapat beberapa perbezaan antara sumber lisan dan bertulis di mana mempunyai pelbagai perspektif kategori sumber dan objektif sumber tersebut.

Seterusnya, prosedur dalam pengumpulan data ini menggunakan kaedah rakaman untuk mengumpul dan mendapatkan maklumat dalam sejarah lisan ini. Rakaman ini juga boleh dijadikan bahan bukti yang kukuh kerana ia merekodkan perbualan temu bual antara penulis dan tokoh tersebut serta ia juga dapat membuktikan bahawa maklumat yang disampaikan adalah sahih dan benar.

Akhir sekali, temu bual bersama tokoh ini dijalankan dengan menggunakan platform *Google Meet*. Kami tidak dapat bertemu beliau secara bersemuka disebabkan oleh pandemik Covid-19 yang melanda negara kita hari ini. Oleh itu kami terpaksa menggunakan kaedah secara atas talian iaitu *Google Meet* kerana platform ini adalah yang paling sesuai dan mudah buat masa ini.

8. HASIL KAJIAN

Ebby Yus atau nama sebenar beliau Muhammad Yunus bin Abdul Rashid, ialah seorang pelakon tanah air yang terkenal. Beliau memulakan karier beliau pada tahun 1983 dan masih aktif sehingga kini. Beliau lahir pada tanggal 16 April 1965 dan seorang anak jati kelahiran orang Negeri Sembilan. Pada masa kini beliau menetap di Kampung Baru, Kuala Lumpur, bersama penolong kanan beliau. Ebby Yus bersekolah di Sekolah Vokasional Ampangan, Seremban dan setelah menamatkan sekolah pada tahun 1983, beliau berpindah ke Kuala Lumpur. Beliau memulakan kerjayanya dalam industri seni pada tahun 1983, setelah itu beliau menyertai satu uji bakat Asas Tarian di Kompleks Budaya Negara. Beliau memulakan kerjaya dalam bidang lakonan adalah pada tahun 1985 dalam drama yang bertajuk '*Bujang Permai*'.

Ebby Yus amat diingati dengan peranan beliau di dalam sitcom televisyen Simpang Tiga. Hasil kajian yang kami dapat semasa sesi temubual ini adalah kami mendapat banyak maklumat yang selama ini kami tidak tahu mengenai tokoh kami iaitu encik Ebby Yus. Perjalanan beliau sebagai anak seni amatlah susah dari penceritaan yang beliau kongsikan sehingga kini beliau menjadi seorang yang termasyhur di tanah air setelah pelbagai rintangan yang perlu beliau lalui sebelum digelar seorang tokoh veteran. Pada zaman dahulu tiada teknologi yang canggih seperti pada masa kini dan juga pengangkutan pada masa dahulu juga adalah terhad dan hanya yang berduit sahaja mempunyai kemudahan kenderaan. Beliau menceritakan betapa susahnya hendak mencari rezeki di ibu kota, dengan belanja yang hanya cukup kais pagi makan pagi kais petang makan petang. Beliau bercerita untuk pergi ke destinasi yang perlu dituju beliau pernah berjalan kaki berbatu-batu jauhnya.

Semasa temubual dilakukan, Ebby Yus juga ada meluahkan sedikit perasaan hampa yang pada masa kini ramai menjadi artis bukan kerana bakat tetapi kerana kemasyhuran dan juga kecantikan. Disebabkan itu juga, generasi pada masa kini yang sekarang ini hidup di alam digital dengan yang teknologi canggih dan pengangkutan yang semakin maju perlulah ada sifat menghargai. Perlu diingat juga yang bukan senang untuk hidup sebagai seorang artis dimana privasi mereka juga sentiasa terdedah kepada orang awam. Ramai juga artis di luar sana merungut akan kerja dan gaji mereka tidak sepadan jadi mereka dengan sewenang-wenangnya menolak tawaran tersebut, tanpa mereka berfikir yang pada zaman tokoh veteran seperti Ebby Yus ini ia adalah sesuatu rezeki yang tidak dapat ditolak dan beliau sentiasa bersyukur jika terdapat pekerjaan yang boleh beliau lakukan.

Di akhir temubual, Ebby Yus ada kongsikan ramai artis veteran tanah air semakin dilupakan oleh generasi muda pada masa kini. Jika dilihat generasi veteran inilah yang membuatkan industri tanah air Malaysia ini dikenali ramai dan ramai artis muda-muda ingin menurut jejak langkah mereka, akan tetapi masyarakat melupakan karya-karya yang pernah dilakukan mereka. Diharap dengan kajian temubual seperti ini, pihak kami dapat memberikan pendedahan mengenai bakat dan warisan artis-artis veteran di Malaysia khasnya. Oleh itu, orang ramai tidak boleh memandang rendah akan kebolehan dan potensi artis-artis veteran ini kerana kita tidak tahu apa yang telah mereka lakukan untuk menaikkan industri seni di Malaysia.



Gambar 1: Sesi temubual bersama Ebby Yus

9. KESIMPULAN

Jelaslah bahawa Muhammad Yunus bin Abdul Rashid atau lebih dikenali sebagai Ebby Yus ialah seniman veteran yang luar biasa dan banyak berjasa dalam industri lakonan. Lakonan beliau dan juga gelagat beliau dari dahulu sehingga sekarang tidak jemu dilihat di kaca televisyen. Dengan pengalaman beliau dalam industri lakonan ini telah berjaya menarik perhatian orang ramai sehingga kini, ia juga diakui oleh orang ramai dan oleh kerana itu beliau dikenali oleh ramai orang tidak kira umur, tua atau muda jika lau sebut sahaja nama Ebby Yus pasti orang akan mengenalinya. Beliau juga adalah seorang yang suka berjenaka dan sangat bertimbang rasa semasa kahian ini dilakukan. Semasa kajian ini dijalankan, semuanya berjalan dengan lancar oleh kerana sikap bertimbang rasa beliau terhadap kami. Walaupun beliau telah diuji sebelum ini dengan kata-kata cacian dari orang ramai dan juga telah diuji dengan masalah kesihatan, beliau dengan tidak jemu dan bangkit dari kejatuhan tersebut dengan menyertai program-program seperti tiada apa yang berlaku. Beliau tabah dan tidak mudah berputus asa dalam menghadapi ujian yang sedemikian malah beliau menganggap yang kata-kata itu adalah kata-kata semangat yang membolehkan beliau bangkit dari kejatuhan ini.

Semasa sesi temu bual ini dilakukan, beliau juga ada memberitahu prinsip beliau iaitu, ‘semua yang jadi ini adalah dengan izin Allah S.W.T, tanpa izin Nya maka tidak jadilah sesuatu itu’ dan ‘sebelum anda mengata saya, saya sudah pun memaafkan anda’. Semasa beliau mengungkap kata-kata ini, hati kami tersentuh dengan kata-kata beliau dengan itu juga telah memberikan kami semangat untuk menghadapi ujian didunia ini dan kami berharap ia juga kajian ini dapat membantu generasi muda diluar sana yang sedang berjuang menghadapi ujian dalam hidup mereka. Dengan ini, ia menunjukkan yang beliau adalah seorang yang rendah hati dan sentiasa memberikan kata-kata semangat untuk generasi muda. Beliau yang kini giat aktif dalam sketsa Sidang J.K.K telah menunjukkan bakat beliau yang seorang pelakon boleh melakonkan watak pelawak, dalam masa yang sama beliau telah menunjukkan betapa berbakatnya beliau dalam industri lakonan ini.

Oleh itu, dengan bakat beliau ia dapat membuktikan yang seniman veteran ini masih ‘berbisa’ untuk mereka libatkan diri dalam industri seni lakonan mahupun industri seni muzik dengan itu dapat menarik perhatian pengarah untuk lebih kerap megambil seniman veteran dalam program mereka. Akhir kata, kitab

oleh melihat melalui Ebby Yus bahawa seniman veteran adalah salah satu sebab ramai generasi muda sekarang minat hendak menjadi pelakon ataupun pelawak, dan berharap yang seni tanah air tidak akan pupus telan dek zaman dan terus maju dengan mengikut adat-adat masyarakat Malaysia.

RUJUKAN

- Astroawani.com. (2019, January 19). *Duka di hati Ebby Yus siapa tahu*. Retrieved February 10, 2022, from <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/duka-di-hati-ebby-yus-siapa-tahu-196363>
- Berita Mediacorp. (n.d.). *Apabila Peminat wanita dari s'pura derma S\$10,000 Kepada Pelakon, Pelawak Ebby Yus...* Berita Mediacorp. Retrieved February 10, 2022, from <https://berita.mediacorp.sg/hiburan/apabila-peminat-wanita-dari-s-pura-derma-s-10-000-kepada-pelakon-73351>
- Bulletin Media. (2019, January 26). *Ebby Yus Sendiri Tak Sangka Dengan Apa Ajak Shiro Buat..* Bulletin Media. Retrieved February 10, 2022, from <https://bulletinmedia.blogspot.com/2019/01/ebby-yus-sendiri-tak-sangka-dengan-apa.html>
- Jaafar, N. (2019, January 27). *Saya Tak Sampai Hati, Kata Ebby Yus.* Sinarharian. Retrieved February 10, 2022, from <https://www.sinarharian.com.my/article/9985/HIBURAN/Saya-tak-sampai-hati-kata-Ebby-Yus>
- Jefri, S. S. (2021, December 27). *Lagi Dugaan Ebby Yus.* HM Online. Retrieved February 10, 2022, from <https://api.hmetro.com.my/rap/2021/12/793270/lagi-dugaan-ebby-yus>
- Mustaza, A. (2019, January 20). *Buah pinggang Ebby Yus bocor, Lemah Jantung.* Sinarharian. Retrieved November 11, 2021, from <https://www.sinarharian.com.my/article/8699/HIBURAN/Buah-pinggang-Ebby-Yus-bocor-lemah-jantung>.
- Pelakon Dan Pelawak Ebby Yus Bersyukur Paru-Paru Tidak Ditebuk Dan Keadaan Semakin Pulih.* MYKMU.NET. (2021, December 31). Retrieved February 10, 2022, from <https://mykmu.net/2021/12/31/pelakon-dan-pelawak-ebby-yus-bersyukur-paru-paru-tidak-ditebuk-dan-keadaan-semakin-pulih/>
- Rahman, J. (2017, July 28). *Pelawak Ebby Yus Lemah - Hiburan.* mStar. Retrieved February 10, 2022, from <https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2017/07/28/ebby-yus-hospital>
- Selamat, H. (2020, January 8). *Pelawak senior Kena Peka perkembangan SEMASA - Ebby Yus.* Berita Harian. Retrieved November 11, 2021, from <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebriti/2020/01/643319/pelawak-senior-kena-peka-perkembangan-semasa-ebby-yus>.
- Yuya. (2019, January 25). *Ajak Shiro sumbang wang kemenangan MLM2018 kepada Ebby Yus.. Mulianya hati Ajak ni.* Retrieved February 10, 2022, from <https://www.penmerahpress.com/ajak-shiro-sumbang-wang-kemenangan-mlm2018-kepada-ebby-yus-mulianya-hati-ajak-ni/>

